

Simulasi AI mampu pantau insiden pokok tumbang

FOTO: BERNAMA



Insiden pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur telah meragut satu nyawa pada Selasa lalu.

KEJADIAN pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur pada Selasa lalu bukan insiden pertama yang berlaku di negara ini.

Kejadian seumpama itu mengakibatkan kerosakan harta benda dan mencederakan orang awam termasuk meragut nyawa.

Pelbagai faktor dikaitkan dengan insiden pokok tumbang antaranya usia tanaman, cuaca ekstrem, pengabaian pengurusan dan penyelenggaraan.

Persoalannya ialah bagaimana kejadian seumpama itu boleh dicegah lebih awal bermula sejak proses penanaman pokok itu sendiri selaras dengan cadangan perancangan se-

sebuah bandar?

Selain perancangan pembangunan, teknologi AI juga boleh digunakan untuk simulasi ramalan tumbesaran pokok-pokok bermula dari proses penanaman hingga ke beberapa tahun ke hadapan.

Sebagai contoh, satu kaedah dinamakan sebagai Intagro yang menggunakan teknik pembelajaran mesin algoritma boleh meramalkan kadar tumbesaran pokok berdasarkan cuaca sesebuah kawasan.

Simulasi ramalan tersebut boleh membantu pihak berkaitan membuat keputusan sama ada pokok yang ditanam itu pada masa 50 atau 70 tahun akan datang masih boleh lagi berada

di tapak yang sama atau perlu penanaman semula.

Selain itu, penggunaan teknologi pemetaan dalam sistem maklumat geografi (GIS) juga boleh digunakan dalam kerja-kerja pemantauan dan penyelenggaraan pokok dalam bandar.

Justeru, sudah tiba masanya pihak berkuasa tempatan mahupun Kementerian berkaitan melihat kebaikan penggunaan teknologi AI dalam perancangan bandar dan ekosistem.

- Dekan Fakulti Rekabentuk dan Senibina Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Mohd Johari Mohd Yusof